

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : DASAR & PENTADBIRAN

RM100 juta setahun biaya ADAM50

➔ Ibu bapa perlu daftar selepas anak dapat sijil lahir

Oleh Ahmad Suhail Adnan
ahmad.suhail@bh.com.my

✦ Kuala Lumpur

Sebanyak RM100 juta setahun dijangka dibelanjakan bagi pembiayaan Amanah Dana Anak Malaysia 2050 (ADAM50), skim khas untuk anak dilahirkan pada 1 Januari 2018 sehingga tahun 2022.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Permodalan Nasional Berhad (PNB), Datuk Abdul Rahman Ahmad, berkata jumlah itu berdasarkan anggaran RM200 bagi setiap 500,000 bayi yang dilahirkan dalam setahun di negara ini.

Katanya, dana itu akan dibiayai PNB dan kerajaan secara 50:50 dengan anggaran peruntukan RM500 juta bagi tempoh lima tahun ADAM50 dilaksanakan.

"Ibu bapa perlu membuat pendaftaran di cawangan Amanah Sa-

ham Nasional Bhd (ASNB) atau ejen bank ASNB selepas mendapat sijil lahir atau MyKid daripada Jabatan Pendaftaran Negara (JPN).

Masuk terus ke dalam akaun bayi yang diaktifkan
 "Selepas mendaftar, dana RM200 menerusi inisiatif ADAM50 ini akan dimasukkan secara terus ke dalam akaun bayi yang diaktifkan.

"Bagi bayi Bumiputera, dana itu akan dimasukkan ke dalam akaun Amanah Saham Bumiputera (ASB), manakala Amanah Saham 1Malaysia untuk bayi bukan Bumiputera," katanya pada sidang media di Hospital Kuala Lumpur (HKL) di sini, semalam.

Yang turut hadir, Pengarah HKL, Datin Dr Nor Akma Yusof.

ADAM50 adalah inisiatif yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dalam pembentangan Bajet 2018 pada 27 Oktober lalu.



Abdul Rahman (tiga dari kiri) bersama Dr Nor Akma (tiga dari kanan) serta penerima ADAM50 di Hospital Kuala Lumpur, semalam.



Sebagai contoh, jika RM200 itu dibiarkan sehingga anak mencecah usia 18 tahun, gandaan pelaburan diperoleh kira-kira RM571, namun jika ibu bapa menyimpan RM100 setiap bulan, jumlah diperoleh adalah hampir RM20,000 bagi tempoh sama"

Abdul Rahman Ahmad, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Permodalan Nasional Berhad

Menerusi inisiatif ADAM50, bayi yang lahir pada 1 Januari 2018 sehingga tahun 2022 diberi RM200 sebagai dana pelaburan permulaan dan ia tidak boleh dikeluarkan sehingga mereka berusia 18 tahun.

Terdahulu, Abdul Rahman melawat dan menyerahkan sijil ADAM50 kepada lapan bayi yang lahir di HKL hari ini, sekali gus menjadikan mereka antara yang terawal mendapat manfaat skim berkenaan.

Buat tabungan

Abdul Rahman berkata, pihaknya turut membuat penyerahan sijil ADAM50 kepada bayi yang lahir pada 1 Januari 2018 di 30 lokasi berbeza seluruh negara termasuk di Kuala Lumpur, Selangor dan Pulau Pinang.

Beliau berkata, ibu bapa perlu mengaktifkan dana ADAM50 anak mereka dalam tempoh setahun daripada tarikh dilahirkan, atau

akan hilang peluang berbuat demikian jika melebihi tempoh terabit.

"Saya harap, ibu bapa akan membuat tabungan bulanan semampu mungkin untuk anak mereka menikmati manfaat pelaburan berganda.

"Sebagai contoh, jika RM200 itu dibiarkan sehingga anak mencecah usia 18 tahun, gandaan pelaburan diperoleh kira-kira RM571, namun jika ibu bapa menyimpan RM100 setiap bulan, jumlah diperoleh adalah hampir RM20,000 bagi tempoh sama," katanya.

Sementara itu, seramai 20 bayi turut menerima manfaat skim ADAM50 di Perak semalam iaitu 10 bayi di Hospital Teluk Intan dan 10 lagi di Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB) Ipoh, selain 10 bayi masing-masing menjadi kumpulan pertama menerima kemudahan itu di Kelantan, Johor, Melaka, Terengganu serta masing-masing lima bayi di Selangor dan Perlis.



Naib Presiden Jabatan Jualan dan Pengurusan Saluran dan Jabatan Business Solutions Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), Mohd Yazid Jali (dua kiri), Pengarah Hospital Shah Alam, Datin Dr Hasni Hanapi (kiri) menyampaikan sijil ADAM50 kepada penerima di Hospital Shah Alam, semalam.



Naib Presiden Jabatan Operasi Unit Amanah dan Pentadbiran Rekod ASNB, Mohd Azuddin Sham Abdullah (kiri) menyampaikan sijil ADAM50 kepada penerima di Hospital Putrajaya, semalam.

(FOTO FAIZ ANUAR/BH)

(FOTO AHMAD IRHAM MOHD NOOR/BH)

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 15

RUANGAN : KESIHATAN

Jemaah kita pulang umrah sah dijangkiti MERS-CoV

➔ Lelaki alami gejala demam, batuk, lemah badan, lelah selepas tiba di tanah air

Oleh Suhaila Shahrul Annuar
suhaila.shahrul@bh.com.my
* Putrajaya

Seorang rakyat Malaysia yang baru pulang mengerjakan umrah disahkan dijangkiti Sindrom Pernafasan Virus Korona Asia Barat (MERS-CoV).

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata jemaah berusia 55 tahun berasal dari Selangor itu tiba di Malaysia pada 23 Disember lalu.

"Pada keesokan harinya, beliau mengalami gejala demam, batuk, lemah badan, lelah dan sakit kaki. Pesakit seterusnya mendapatkan rawatan di klinik berhampiran dan menerima rawatan sebagai kes demam.

"Pada lewat malam 28 Disember, beliau datang ke Jabatan Kecemasan Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR), Klang dan dimasukkan ke wad HTAR untuk mendapatkan pemeriksaan lanjut.

Pesakit stabil

"Mengambil kira sejarah perjalanannya yang baru kembali menunaikan umrah, ujian saringan MERS-CoV dijalankan Hospital Sungai Buloh pada 30 Disember dan ujian pengesahan dijalankan Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) pada 31 Disember mendapati po-



Aktiviti seperti menyentuh haiwan terutama unta, makan atau minum sebarang produk mentah atau tidak dimasak dengan sempurna membabitkan unta seperti susu, daging atau air kencing berisiko mendapat jangkitan MERS-CoV"

Dr Noor Hisham Abdullah,
Ketua Pengarah
Kesihatan

sitif sindrom berkenaan.

"Ketika ini, pesakit berada dalam keadaan stabil dan sudah dirujuk ke Hospital Sungai Buloh untuk rawatan lanjut," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Katanya, pesakit juga memaklumkan ketika berada di Tanah Suci, beliau minum susu unta mentah dan bersentuhan dengan unta ketika melawat ladang haiwan berkenaan.

Kementerian Kesihatan juga sedang menjalankan aktiviti pencegahan dan kawalan, termasuk pengesanan serta pemantauan ke atas kontak rapat pesakit seperti ahli keluarga, jemaah umrah dalam kumpulan sama, anggota kesihatan di fasiliti kesihatan yang merawat dan kontak rapat dalam pesawat yang dinaiki pesakit.

"Amalan pencegahan dan kawalan infeksi dalam kalangan anggota kesihatan turut dipertingkatkan, selain pemantauan terhadap status kesihatan anggota kesihatan terbabit dalam mengendalikan kes berkaitan," katanya.

Beliau berkata, merujuk kepada laporan pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), punca dan cara jangkitan MERS-CoV masih belum dikenal pasti.



Keratan akhbar BH pada 29 Julai 2015.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 49

RUANGAN : WANITA



Kakitangan Hospital Melaka bergambar bersama bayi tahun baharu pada majlis penyerahan sijil ADAM50, semalam.



Kakitangan wanita boleh meneruskan pekerjaan dalam suasana tenang dan lebih berdaya saing'

Noor Aziah Mohd Awal,
Profesor Undang-Undang
Wanita, Keluarga dan
Kanak-Kanak Fakulti
Undang-Undang UKM

(FOTO ZAMAN HURI ISA/BH)

Tahun baharu permulaan baik perkasa hak wanita

➔ Pelaksanaan beberapa insentif termasuk ADAM50 bantu golongan hawa terus berdaya saing dalam pekerjaan

Oleh **Norhafzan Janfar**
hafzan@bh.com.my

✉ Kuala Lumpur

Tahun 2018 menjadi permulaan yang baik bagi wanita, berikutan pelaksanaan beberapa insentif diperkenalkan kerajaan bertujuan memperkasakan golongan itu.

Pelaksanaannya bukan sahaja mampu meningkatkan produktiviti pekerja wanita, tetapi disifatkan tepat pada masanya ke arah pembinaan keluarga dan masyarakat secara keseluruhan.

Profesor Undang-Undang Wanita, Keluarga dan Kanak-Kanak Fakulti Undang-Undang Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Datuk Noor Aziah Mohd Awal, berkata sebagai kakitangan yang produktif, sistem sokongan menjadi perkara utama untuk memastikan wanita terus bertahan dalam bidang pekerjaan sekali gus menyumbang kepada pertumbuhan negara.

"Kakitangan wanita terutama



Dari kiri, Azila Awang, Nur Farhana Rosdi dan Nur Syuhada Mohd Zizi menerima sumbangan ADAM50 di Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kota Bharu, semalam.

ibu bukan sahaja boleh meneruskan pekerjaan dalam suasana tenang dan baik tetapi akan memberi banyak ruang kepada mereka untuk lebih berdaya saing ke peringkat lebih tinggi.

Galakan menabung

"Usaha ini bukan hanya bertujuan memperkasakan wanita secara khusus, tetapi pada masa yang sama dilihat ke arah pembinaan keluarga secara keseluruhannya dengan menggalakkan minat menabung seawal peringkat bayi, menerusi penubuhan Amanah Dana Anak Malaysia 2050 (ADAM50)," katanya kepada BH.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai pelbagai inisiatif baharu berkuat kuasa semalam yang diperkenalkan kepada kakitangan wanita, demi menjaga kebajikan dan kesejahteraan mereka.

Antaranya, penjawat awam lantikan tetap dan kontrak yang mengandungi lima bulan dan ke atas dibenarkan pulang satu jam lebih awal daripada masa be-

kerja biasa.

Manfaat sama turut dinikmati suami penjawat awam berkenaan yang bekerja di lokasi berdekatan pulang bersama bagi membantu isteri dalam perjalanan pulang ke rumah.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak ketika pembentangan Bajet 2018 lalu turut mengumumkan Dana Tabungan Permulaan sebanyak RM200 dalam bentuk unit dinamakan, ADAM50 akan diberikan kepada bayi yang dilahirkan pada 1 Januari 2018 hingga 2022.

Semua insentif berkenaan diperkenalkan kerajaan selari dengan usaha menjadikan 2018 sebagai tahun memperkasakan wanita seperti diumumkan dalam pembentangan Bajet 2018.

Persekitaran lebih mesra

Bagaimanapun, Noor Aziah berkata, semua insentif berkenaan akan menjadi lebih berkesan jika turut disokong dan dijalankan serentak dengan persekitaran tempat kerja yang mesra untuk ibu bekerja.

Beliau berkata, selain dapat mengurangkan kebimbangan mereka ketika bekerja, ia juga mampu menarik lebih wanita untuk kembali dalam bidang pekerjaan.

Katanya, banyak perkara menjadi keutamaan bagi wanita bekerja, terutama untuk memberikan tumpuan kepada bayi dengan keinginan mempraktikkan penyusuan eksklusif, selain turut memikirkan soal mendapatkan pengasuh.

"Kemudahan seperti pusat asuhan dan bilik laktasi adalah penting untuk memastikan mereka dapat kembali bekerja dengan hati yang tenang selepas melahirkan anak.

"Cuti panjang sahaja tidak mencukupi jika ia tidak disokong dengan segala keperluan dan kemudahan berkenaan untuk golongan ibu bekerja ini.

"Begitu juga dengan keperluan kursus keibubapaan untuk golongan ibu bapa muda, supaya tugas mendidik dan mengasuh anak akan menjadi lebih mudah," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO
 MUKA SURAT : 68
 RUANGAN : SETEMPAT

Jemaah dijangkiti MERS-CoV

■ Pesakit lelaki demam, batuk, lemah badan, lelah, sakit kaki sejurus pulang dari Tanah Suci

Siti A'isyah Sukaimi
 sitiaisyah@hmetro.com.my

Putrajaya

Seorang lelaki rakyat Malaysia yang baru pulang mengerjakan umrah disahkan dijangkiti Sindrom Pernafasan Virus Korona Asia Barat (MERS-CoV).

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, pesakit berusia 55 tahun berasal dari Selangor itu pulang ke tanah air pada 23 Disember lalu

selepas mengerjakan umrah. Menurutnya, keesokan harinya, lelaki terbabit demam, batuk, lemah badan, lelah dan sakit kaki.

"Pesakit mendapatkan rawatan di klinik berhampiran rumahnya dan dia menerima rawatan sebagai kes demam.

"Kemudian, lewat malam pada 28 Disember lalu, lelaki terbabit datang ke Jabatan Kecemasan Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR), Klang dan dimasukkan ke wad HTAR untuk mendapatkan pemeriksaan dan rawatan lanjut," katanya dalam kenyataan, semalam.

Mengambil kira sejarah perjalanan pesakit baru kembali daripada menunaikan umrah, Dr Noor Hisham berkata, ujian saringan MERS-CoV dijalankan dan ia didapati positif.

Katanya, ujian saringan dijalankan Hospital Sungai Buloh pada 30 Disember serta ujian pengesanan seterusnya dijalankan Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) pada 31 Disember yang masing-masing adalah positif.

Beliau berkata, ketika ini, pesakit berada dalam keadaan stabil dan dirujuk ke Hospital Sungai Buloh bagi

menerima rawatan lanjut.

"Pesakit memaklumkan ketika berada di Tanah Suci, dia dibawa melawat ke ladang unta dan dia minum susu unta mentah serta ber-sentuhan dengan unta di ladang itu.

"Justeru, Kementerian Kesihatan sedang menjalankan aktiviti pencegahan dan kawalan termasuk pengesanan serta pemantauan ke atas kontak rapat (*close contact*) kepada pesakit seperti ahli keluarga, jemaah umrah dalam kumpulan sama, anggota kesihatan di fasiliti kesihatan yang merawat serta

kontak rapat dalam pesawat dinaiki oleh pesakit," katanya.

Dalam pada itu, Dr Noor Hisham berkata, amalan pencegahan dan kawalan infeksi dalam kalangan anggota kesihatan dipertingkatkan di semua peringkat di samping pemantauan terhadap status kesihatan anggota kesihatan yang terbabit dalam mengendalikan kes berkaitan.

Katanya, perkembangan terkini mengenai mereka yang terbabit akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

Mengulas lanjut, beliau berkata, merujuk laporan pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), sehingga kini punca jangkitan sebenar dan cara jangkitan bagi pesakit MERS-CoV belum dapat dikenal pasti.

"Bagaimanapun, aktiviti seperti menyentuh haiwan terutama unta, memakan atau meminum sebarang produk mentah atau tidak dimasak dengan sempurna yang membabitkan unta seperti susu, daging dan air kencing adalah berisiko untuk mendapat jangkitan MERS-CoV," katanya.

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 17

RUANGAN : NEGARA

Kerosakan lif di HSNZ bakal selesai tahun ini

KUALA TERENGGANU - Masalah kerosakan lif yang sering berlaku di Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ) di sini dijangka dapat diatasi secara berperingkat pada tahun ini, kata Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Razif Abdul Rahman.

Beliau berkata, ketika ini terdapat sembilan lif di HSNZ termasuk enam lif untuk orang awam dan masing-masing satu lif diraja, lif barang dan lif untuk kakitangan.

"Daripada jumlah itu, sebanyak empat lif akan diganti baharu dengan peruntukan diluluskan RML6 juta melalui Jawatankuasa Pembangunan Persekutuan (JPP) di bawah ke- lulusan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi.

"Ia dilakukan melalui dua fasa

dengan dua lif untuk fasa satu telah diberi jaminan oleh pihak kontraktor bahawa ia boleh disiapkan pada 10 Januari ini dan di- jangka boleh diguna- kan oleh orang awam sama ada sehari atau dua hari selepas itu," katanya.

Beliau berkata demikian selepas mendengar taklimat yang disampaikan Pengarah Jabatan Kerja Raya (JKR) negeri, Che Kamaruddin Bahar di sini semalam.

Turut hadir Pengerusi Jawa- tankuasa Kesihatan, Pempa- ngunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat negeri, Roslee Daud dan Pengarah Kesihatan Negeri Terengganu, Dr. Mohammad Omar.



AHMAD RAZIF

Masalah kerosakan lif yang berusia antara 17 hingga 31 ta- hun di blok utama HSNZ itu sering men- jadi rungutan orang ramai dan ia menjadi tular di laman sosial sebelum ini.

Bagi melancarkan lagi kerja-kerja naik taraf dua lif yang se- dang berjalan seka- rang, HSNZ akan mengubah waktu lawatan pe- sakit pada tengah hari mulai hari ini sehingga 15 Januari ini iaitu pada pukul 12.30 hingga 2.30 petang berbanding pukul 12 tengah hari hingga 2 petang ketika ini.

Dianggarkan antara 3,000 hingga 4,000 pelawat datang ke hospital itu setiap hari. - Ber- nama



MASALAH lif rosak di Hospital Sultanah Nur Zahirah Kuala Terengganu | diselesaikan pada tahun ini.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 11

RUANGAN : NASIONAL

Seorang jemaah umrah dijangkiti Mers-CoV

PUTRAJAYA - Seorang lelaki disahkan dijangkiti penyakit Sindrom Pernafasan Virus Korona Timur Tengah (MERS-CoV) selepas pulang daripada mengerjakan umrah.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, lelaki berusia 55 tahun dari Selangor itu mengalami gejala demam, batuk, lemah badan, lelah dan sakit kaki sejurus tiba di tanah air pada 23 Disember lepas.

Katanya, pesakit mendapatkan rawatan di klinik berhampiran rumahnya sehari selepas itu dan menerima rawatan sebagai kes demam sebelum ke Jabatan Kecemasan Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang pada malam 28 Disember dan ditahan di wad untuk pemeriksaan dan rawatan lanjut.

"Mengambil kira beliau baru kembali

daripada menunaikan umrah, ujian saringan MERS-CoV dijalankan dan didapati positif, masing-masing bagi ujian saringan yang dijalankan oleh Hospital Sungai Buloh pada 30 Disember serta ujian pengesanan yang seterusnya dijalankan oleh Institut Penyelidikan Perubatan pada 31 Disember," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Beliau berkata, pesakit dirujuk ke Hospital Sungai Buloh untuk rawatan lanjut dan keadaannya kini stabil.

Justeru, katanya, Kementerian Kesihatan menjalankan pencegahan dan kawalan termasuk pengesanan serta pemantauan ke atas kontak pesakit seperti keluarga, jemaah umrah dalam kumpulan sama, anggota kesihatan di fasiliti yang merawat serta kontak rapat dalam pesawat yang dinaiki pesakit.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 28

RUANGAN : DALAM NEGERI

Lelaki disahkan hidap MERS-CoV

PUTRAJAYA 1 Jan. - Kementerian Kesihatan mengesahkan seorang lelaki yang baru kembali daripada mengerjakan umrah pada 23 Disember lalu dijangkiti Sindrom Pernafasan Virus Korona Timur Tengah (MERS-CoV).

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, lelaki berusia 55 tahun berasal dari Selangor itu mengalami gejala demam, batuk, lemah badan, lelah dan sakit kaki sebaik sahaja tiba di tanah air.

Menurut beliau, pesakit itu kemudian mendapatkan rawatan di klinik berhampiran kediamannya sebelum mendapatkan rawatan lanjut di Jabatan Kecemasan Hospital Tengku Ampuan Rahimah Klang.

"Mengambil kira sejarah perjalanannya yang kembali daripada menunaikan umrah, ujian saringan MERS-CoV dijalankan segera.

"Hasil saringan dijalankan Hospital Sungai Buloh pada 30 Disember serta ujian pengesahan oleh Institut Penyelidikan Perubatan pada 31 Disember mendapati pesakit positif MERS-CoV," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Katanya, pesakit turut memaklumkan semasa berada di Tanah Suci, dia telah melawat ladang unta dan meminum susu unta mentah serta bersentuhan dengan haiwan tersebut.

Beliau memberitahu, pihaknya sedang menjalankan aktiviti pencegahan termasuk peman-tauan terhadap individu rapat dengan pesakit seperti ahli keluarga, jemaah umrah dalam kumpulan sama dan anggota kesihatan yang merawat lelaki itu,

Pada masa sama, Noor Hisham meminta bakal jemaah umrah atau mana-mana individu yang ingin ke Tanah Suci atau negara Asia Barat untuk mengambil langkah waspada.

"Antaranya elakkan daripada melawat ke ladang haiwan atau menyentuh sebarang jenis haiwan khususnya unta dan mengambil sebarang produk tidak dimasak dengan sempurna yang melibatkan unta seperti susu, daging dan air kencing.

"Mereka baharu pulang dari lawatan ke negara Asia Barat adalah dinasihatkan mendapatkan rawatan dengan kadar segera sekiranya mengalami gejala demam dan jangkitan respiratori seperti batuk dan kesukaran bernafas," katanya.



NOOR HISHAM

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NATION/NEWS



Permodalan Nasional Bhd president and group chief executive officer Datuk Abdul Rahman Ahmad and Kuala Lumpur Hospital director Datin Dr Nor Akma Yusuf (second from right) with recipients of the ADAM50 fund at the hospital's maternity ward yesterday. PIC BY AZIAH AZMEE

ADAM50

RM200 UNIT TRUST FOR 2018 BABIES

It will act as early capital for additional investments in ASB, AS1M, says PNB president

AINA NASA
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

PERMODALAN Nasional Bhd (PNB) is allocating RM200 worth of unit trust for each of the 500,000 newborns this year to fund their initial savings under Amanah Dana Anak Malaysia 2050 (ADAM50).

PNB president and group chief executive officer Datuk Abdul Rahman Ahmad said the goal was for the savings under ADAM50 to create additional investments under Amanah Saham Bumiputera (ASB) or Amanah Saham Malaysia (ASIM).

"It is our goal for the RM200 to act as the early capital to push for additional investments in ASB or ASIM.

"Parents should take this opportunity to start investing for the future of their young ones,"

he said during a visit to the maternity ward at Kuala Lumpur Hospital yesterday to present ADAM50 funds to babies born on the first day of the year.

Rahman said the RM200 would be credited to the children's ASB or ASIM accounts upon registration.

To apply, the baby's birth must be registered with the National Registration Department and their birth certificate, or identification card MyKid, must be taken to any ASNB outlet or agent who would facilitate registration for ADAM50.

ADAM50 is applicable only to Malaysian babies born to Malaysian parents from Jan 1 to Dec 31 this year.

The initiative would continue for five years starting this year, at a cost of RM560 million, benefiting some 2.8 million babies.

"To spread the word on ADAM50, the government and PNB will conduct promotional activities to inform parents about the programme, which they should not miss.

"We will get feedback on the programme during these five years," Rahman said.

Prime Minister Datuk Seri Najib Razak, during the tabling of

the 2018 Budget in October, announced ADAM50 for babies born this year, and described it as a "gift" for the "National Transformation 2050 generation".

Siti Norain Raid, 26, who gave birth to this year's first baby in Kuala Lumpur Hospital at 12.54am, was elated when her son received RM200 under the programme.

"Saving does not have to start only when our children are grown up, but it should begin when they are young.

"I am grateful that I gave birth to my son today and he received RM200 in his ASB account.

"His funds will be kept for his future.

"It will go towards his education and whatever he needs during that time."

New mother Nor Fatimah Mad Tahir, who was overjoyed at the birth of her daughter, was thrilled to receive the RM200 unit trust.

"I will keep the fund for my daughter and add to it as she grows up. I will ensure that it is used only for her, especially for education."

Present during the visit was Kuala Lumpur Hospital director Datin Dr Nor Akma Yusuf.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 21

RUANGAN : NATION/NEWS

STABLE CONDITION

MERS DETECTED IN SELANGOR PILGRIM

Man, 55, drank camel milk, came into contact with the animals while on umrah

FAIRUZ MOHD SHAHAR
PUTRAJAYA
news@nst.com.my

THE Health Ministry has confirmed that a Malaysian man, who returned from an umrah in Saudi Arabia, has tested positive for Middle East Respiratory Syndrome Coronavirus (MERS-CoV).

Its director-general, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, said the 55-year-old man from Selangor, who arrived in the country on Dec 23, had shown symptoms of fever, cough, fatigue and leg pain, a day after returning from the trip.

"The patient had sought treatment at a clinic and was treated for fever.

"On the night of Dec 28, he went to Tengku Ampuan Rahimah Hospital's Emergency Department in Klang and was admitted for examination and treatment.

"After taking into account his travel history, a MERS-CoV screening test was conducted at Sungai Buloh Hospital on Saturday.

"The verification test conducted by the Institute of Medical Research on Sunday showed that he tested positive for the

disease (MERS-CoV)," he said yesterday.

Dr Noor Hisham said the man was reported to be stable and had been referred to Sungai Buloh Hospital for further treatment.

He said the man told the authorities that he had consumed fresh camel milk in Mecca, and had come into contact with camels during a visit to a camel farm.

He said the ministry would take prevention and control measures, including tracking and monitoring those who had direct contact with the man, such as his family members, umrah pilgrims in the same group, the staff at the health facilities that treated the man and those who were on the same flight with him.

"We have boosted infection prevention and control practices among health workers at all levels."

The World Health Organisation (WHO) said it was uncertain what caused MERS-CoV to spread.

"Touching camels, eating and drinking raw or not perfectly cooked camel products, such as milk and meat, will increase the risk of having MERS-CoV infection.

"WHO also stressed that the spread of the infection is unknown and there is no vaccine for MERS-CoV, as well as medicine to treat it.

"WHO does not issue any travel advisory or travel restrictions to the countries' involved," Dr Noor Hisham said.

MIDDLE EAST RESPIRATORY SYNDROME CORONAVIRUS (MERS-CoV)

1. What is Middle East Respiratory Syndrome Coronavirus (MERS-CoV)?

Middle East Respiratory Syndrome is a respiratory illness caused by a coronavirus (Middle East Respiratory Syndrome Coronavirus, or MERS-CoV) first identified in Saudi Arabia in 2012.

2. Source of virus

MERS-CoV is a zoonotic virus, which means it is a virus that is transmitted between animals and people. Studies have shown that humans are infected through direct or indirect contact with infected dromedary camels.

3. Symptoms

- Shortness of breath
- Fever (38°C and above)
- Cough

4. Health advice

- Camels that are infected with MERS-CoV may not show any symptoms. Hence, avoid any direct contact with these animals.
- MERS-CoV virus can be found in the organs and meat of an infected camel. Before eating, the meat must be perfectly cooked.
- Infected camels may spread the infection through nasal and eye discharge, faeces, blood, urine and milk. Hence, it is better to boil the camel's milk before drinking it.
- The best protection is to practise good hygiene and avoid direct contact with camels.



**Source: Health Ministry and World Health Organisation

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

MERS case confirmed in Selangor

> Patient had drunk raw camel milk while visiting farm in Mecca

PUTRAJAYA: The Health Ministry has confirmed a case of the Middle East respiratory syndrome coronavirus (MERS-CoV) infection following investigations and diagnosis on a 55-year-old man.

In a statement yesterday, Health Director-General Datuk Dr Noor Hisham Abdullah said a laboratory test conducted on a sample belonging to the patient from Selangor tested positive for the disease.

"Investigations revealed that the patient had just returned to the country on Dec 23 after performing the umrah."

"He had displayed symptoms such as fever, cough, weakness throughout the body, fatigue and leg pain. The patient had sought treatment at a clinic near his home, where he received treatment for fever.

"On Dec 28, he went to the Tengku Ampuan Rahimah Hospital in Klang and was subsequently admitted for further examination and treatment."

Following the discovery that he had just returned from performing the umrah, Noor Hisham said an MERS-CoV screening test was conducted on him at the Sungai Buloh Hospital on Dec 30.

"Subsequent tests conducted by the Institute for Medical Research on Sunday confirmed the case," he said.

The patient is in a stable condition and has been referred to the Sungai Buloh Hospital for further treatment.

"The man said while in Mecca, he was taken to a camel farm, where he drank raw camel milk and came in contact with the camels at the farm," he added.

The Health Ministry is monitoring the situation on MERS-CoV infections that were reported by the World Health Organisation and has issued a health advisory for pilgrims to take preventive measures against the disease during their stay in Mecca and after returning to Malaysia.

"The ministry is making efforts to prevent further spread of the disease and has undertaken containment measures.

"This includes detecting and monitoring those who had close contact with the patient such as family members, fellow pilgrims in the same group, healthcare professionals who had treated him as well as those who came in contact with him on the flight he took," he said.

More information on the disease is available at <http://www.moh.gov.my> or at the National Crisis Preparedness Response Centre Facebook page.